

bertanya:⁸¹⁷ “Bagaimana kalau unta itu pergi?” Beliau (Ibnu ‘Umar atau Naafi’) menjawab: “Baginda s.a.w. akan mengambil pelana unta lalu menegakkannya (sebagai ganti unta itu) dan bersembahyang dengan menghadap ke bahagian hujung pelana unta itu, atau dia (perawi) berkata: “ke bahagian belakangnya”. Ibnu ‘Umar selalu melakukan begitu.⁸¹⁸

بَابُ الصَّلَاةِ إِلَى السَّرِيرِ

72- Bab Bersembahyang Dengan Bersutrahkan Katil.⁸¹⁹

⁸¹⁷ Orang yang bertanya di sini boleh jadi Naafi’, boleh jadi juga ‘Ubaidullah bin ‘Umar. Pada zahirnya kelihatan macam Naafi’ yang bertanya. Orang yang ditanya pula ialah Ibnu ‘Umar. Tetapi al-Isma’ili menerusi riwayatnya menerangkan bahawa yang bertanya di sini ialah ‘Ubaidullah bin ‘Umar bukan Naafi’ dan yang ditanya pula bukan Ibnu ‘Umar tetapi Naafi’. Jika diambil kira riwayat al-Isma’ili itu, maka jawapan kepada pertanyaan di dalam hadits di atas adalah mursal. Ini kerana orang yang dikatakan mengambil pelana unta lalu menegakkannya di dalam hadits di atas ialah Rasulullah s.a.w. Dan Naafi’ jelas tidak sempat bertemu Rasulullah s.a.w. Ayat terakhir di dalam hadits berkenaan juga jelas menyokong riwayat al-Isma’ili.

⁸¹⁸ Antara pengajaran, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Keharusan menjadikan binatang yang duduk dengan tetap sebagai sutrah. (2) Keharusan menjadikan kenderaan sebagai sutrah. (3) Benda-benda yang diperbuat daripada kayu dan lain-lain juga harus dijadikan sebagai sutrah. (4) Binatang yang hendak dijadikan sutrah seeloknya diperdudukkan dalam keadaan melintang di hadapan orang yang bersembahyang. (5) Bersembahyang dekat seekor dua unta di tempat yang bersih tidak terlarang. Yang terlarang di dalam hadits ialah bersembahyang di kandang unta. (6) Jika unta yang hendak dijadikan sebagai sutrah bangkit dan pergi dari tempatnya, eloklah diambil benda lain untuk dibuat sutrah sebagai ganti unta itu. (7) Para sahabat sentiasa menjadikan perbuatan dan amalan Rasulullah s.a.w. sebagai panduan dalam beribadat. (8) Soal jawab di antara murid dan guru amat penting untuk mendapat penjelasan yang lebih lengkap dan pemahaman yang betul. (9) ‘Abdur Razzaq dengan isnadnya meriwayatkan daripada Naafi’ bahawa tinggi tempat bersandar di bahagian belakang pelana unta Ibnu ‘Umar ialah kira-kira satu hasta.

⁸¹⁹ Bab ini menerangkan katil juga boleh dijadikan sebagai sutrah oleh orang yang bersembahyang. Bukan sekadar katil kosong boleh dijadikan sutrah, bahkan katil yang sedang ditiduri orang sama ada lelaki atau perempuan juga boleh dijadikan sutrah. Dalilnya ialah hadits di bawah bab ini. Di dalam nuskah Ibnu ‘Asaakir tersebut على di tempat إلى. Jadi tajuk bab di atas menurut nuskah Ibnu ‘Asaakir ialah باب الصلاة على السرير. Al-Isma’ili, al-Kirmaani, al-‘Aini dan as-Sindi lebih menyokong nuskah Ibnu ‘Asaakir. Bagi mereka ia lebih sesuai dengan hadits di bawahnya. Menurut al-Kirmaani dan al-‘Aini, kalau diterima nuskah kebanyakan dengan lafaz إلى sekalipun, ia seharusnya dipakai dengan ما na على. Ini kerana penggunaan huruf jar boleh ditukar ganti sesamanya. إلى boleh dipakai dengan ما na على dan على boleh dipakai dengan ما na إلى, begitulah seterusnya. Asas pendapat mereka ialah perkataan يتوسط yang tersebut di dalam hadits bab ini. Ia bagi mereka bererti Nabi s.a.w. telah bersembahyang dengan berdiri di atas bahagian tengah katil. Bagaimanapun semua mereka tidak nampak perkaitannya dengan bab bersembahyang dengan bersutrahkan katil. Ia bahkan lebih sesuai dengan bab bersembahyang di

atas sutuh dan lain-lain yang telah berlalu dahulu. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, perkataan بتوسط boleh menerima kedua-dua erti yang tersebut itu. Sebagaimana ia boleh bererti bersembahyang dengan berdiri di atas bahagian tengah katil, ia juga boleh bererti bersembahyang di bawah katil dengan bersutrahkan bahagian tengahnya. Tetapi ma'na kedua lebih sesuai kerana adanya hadits Masruq daripada 'Aaisyah di bawah باب استقبال الرجل صاحبه أو غيره في صلاته وهو يصلي dan باب الاستئذان nanti. Hadits itu menjelaskan bagaimana sebenarnya sembahyang Nabi s.a.w. yang berkenaan. Adakah dengan berdiri di atas bahagian tengah katil atau dengan bersutrahkan katil? Untuk lebih jelas, lihatlah hadits 'Aaisyah melalui Masruq itu. حَكَّنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ خَلِيلٍ حَكَّنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْنَرٍ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ مُسْلِمٍ عَنْ أَبِي صَبِيحٍ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا ذَكَرَتْ عِنْدَهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ فَقَالُوا يَقْطَعُهَا الْكَلْبُ وَالْجَمَارُ وَالْمَرْءُ قَالَتْ لَقَدْ جَعَلْتُمُونَا كِلَابًا لَقَدْ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَإِنِّي لَبَيْنَّةٌ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ وَأَنَا مُضْطَجِعَةٌ عَلَى السَّرِيرِ فَتَكُونُ لِي الْحَاجَّةُ بِمَعْنَى: "Kata Masruq: "Pernah disebutkan di hadapan 'Aaisyah perkara-perkara yang memotong (memutuskan) sembahyang. Kata mereka: "Anjing, himar dan perempuan memutuskan sembahyang. Maka 'Aaisyah berkata: "Kamu telah menjadikan kami (kaum wanita) sebagai anjing-anjing, pada hal sesungguhnya aku melihat Nabi s.a.w. bersembahyang dalam keadaan aku berada di antara beliau s.a.w. dan qiblat. Aku berbaring di atas katil. Kadang-kadang aku ada hajat. Oleh kerana tidak suka bangun dengan menghadap beliau, aku menggelongsor saja (dari katil)." Di bawah باب الاستئذان hadits ini dengan sedikit perbezaan lafaznya lebih terang menyatakan mafhum kedua tadi. Berikut ialah teks haditsnya berserta isnad dan terjemahannya: حَكَّنَا قُتَيْبَةُ حَكَّنَا جَرِيرٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي الضُّحَى عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ: رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَسَطَ السَّرِيرِ وَأَنَا مُضْطَجِعَةٌ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ تَكُونُ لِي الْحَاجَّةُ بِمَعْنَى: "Kata 'Aaisyah: "Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang di tengah katil dalam keadaan saya berbaring di antara Baginda s.a.w. dan qiblat. Kadang-kadang saya ada hajat. Oleh kerana saya tidak suka bangun dengan menghadap beliau, saya menggelongsor saja (dari katil)." Al-'Aini tetap berkata bahawa jika hadits ini kita pakai dengan ma'na kedua sekalipun, hadits di bawah bab ini tetap juga harus dipakai dengan ma'na asalnya iaitu berdiri di atas bahagian tengah katil. Alasannya ialah dua hadits ini seharusnya dipakai untuk dua peristiwa yang berlainan. Lalu kenapa Bukhari tidak mengemukakan saja di bawah bab ini hadits 'Aaisyah melalui Masruq itu? Jawabnya ialah kerana hadits 'Aaisyah yang diriwayatkan oleh Masruq itu pun sebenarnya masih belum jelas menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di bawah katil dengan bersutrahkan bahagian tengahnya. Boleh juga difahami bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan berdiri di atas bahagian tengah katil dalam keadaan 'Aaisyah berbaring di atas katil di antara Baginda s.a.w. dan qiblat (dinding di sebelah qiblat yang merupakan sutrah Baginda s.a.w.)! Inilah jawapan yang dipilih Ibnu Rajab. **Bagi penulis, hadits paling terang** berhubung dengan Rasulullah s.a.w. bersembahyang di bawah katil dengan bersutrahkan bahagian tengahnya bukan yang dua tadi, tetapi hadits berikut ini: اِبْنُ لُمَيْزٍ حَكَّنَا الْأَعْمَشُ عَنْ مُسْلِمٍ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ وَحَكَّنَاهُ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ إِسْرَافِيلَ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ بَلَغَهَا أَنَّ نَاسًا يَقُولُونَ يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ وَالْجَمَارُ وَالْمَرْءُ فَقَالَتْ: عَائِشَةُ عَجَلْتُمُونَا بِالْكَلْبِ وَالْحَمِيرِ لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مُقَابِلَ السَّرِيرِ وَأَنَا عَلَيْهِ بَيْنَةٌ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ فَتَكُونُ لِي الْحَاجَّةُ فَأَنْسَلُ مِنْ قِبَلِ رَجُلٍ السَّرِيرِ كَرَاهِيَةً أَنْ أَسْتَقْبِلَهُ حَكَّنَا يَحْيَى بِمَعْنَى: 'Aaisyah mendapat tahu ada orang berpendapat anjing, keledai dan orang perempuan memutuskan sembahyang (seseorang dengan lalu di hadapannya). Maka berkatalah 'Aaisyah: "Kamu samakan kami (kaum wanita) dengan anjing dan keledai ya?! Sesungguhnya aku melihat Nabi s.a.w. bersembahyang dengan menghadap katil dalam keadaan aku berada di atas katil itu di antara beliau s.a.w. dan qiblat. Apabila ada sesuatu hajat, aku menggelongsor / meloloskan diri melalui kaki katil. Aku lakukan begitu kerana tidak suka menghadap beliau s.a.w. (yang sedang bersembahyang)." (Hadits riwayat Ahmad, Abu 'Awaanah dan Ibnu al-Munzir di dalam al-Ausathnya). Hadits ini walaupun tidak dikemukakan oleh Bukhari dan Muslim, tetapi ia menepati syarat mereka berdua. Rasanya inilah hadits yang dijadikan sandaran oleh Bukhari untuk membuat tajuk bab di atas, meskipun

٤٧٨- حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ قَالَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ مَنْصُورٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ أَعْدَلْتُمُونَا بِالْكَلْبِ وَالْحِمَارِ لَقَدْ رَأَيْتُنِي مُضْطَجِعَةً عَلَى السَّرِيرِ فَيَجِيءُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَتَوَسَّطُ السَّرِيرَ فَيُصَلِّي فَأَكْرَهُ أَنْ أُسَنِّحَهُ فَأَنْسَلُ مِنْ قِبَلِ رِجْلِي السَّرِيرِ حَتَّى أَنْسَلُ مِنْ لِحَافِي

478- `Utsman bin (Muhammad bin) Abi Syaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Jarir (bin `Abdil Hamid ar-Raazi) meriwayatkan kepada kami daripada Manshur (bin al-Mu'tamir) daripada Ibrahim (bin Yazid an-Nakha'i) daripada al-Aswad (bin Yazid an-

hadits yang dikemukakan di bawahnya tidak begitu terang menunjukkannya. Seolah-olahnya Bukhari menganggap hadits ini sebagai mubaiyyin dan mufassir kepada hadits-hadits Masruq yang lain. Kenapa pula beliau tidak membawa hadits ini saja untuk membuktikan da'waannya? Jawabannya ialah menggunakan isyarat adalah salah satu metode yang selalu diguna pakai oleh Bukhari di dalam Kitab Sahihnya ini. Dan ini adalah salah satu tempat di mana Bukhari menggunakan metode itu. Untuk mengatakan Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan berdiri di atas bahagian tengah katil dalam keadaan `Aaisyah berbaring di atas katil yang sama, dan beliau tidur melintang di antara Baginda s.a.w. dan qiblat. Pihak-pihak yang menda'wa demikian semestinya membuktikan terlebih dahulu bahawa katil Rasulullah s.a.w. itu berukuran besar (king-size bed). Kata-kata `Aaisyah di hujung riwayat Masruq daripadanya bagi penulis, sudah memadai untuk membuktikan Rasulullah s.a.w. tidak bersembahyang di atas katil di mana `Aaisyah sedang tidur melintang di antara Baginda s.a.w. dan qiblat. Kalau tidak apakah ertinya beliau r.a. berkata: "Oleh kerana saya tidak suka bangun dengan menghadap beliau s.a.w., saya menggelongsor saja (dari katil)." Atau mengikut hadits riwayat Ahmad dan lain-lain yang dikemukakan di atas beliau r.a. berkata: "Aku lakukan begitu kerana tidak suka menghadap beliau s.a.w. (yang sedang bersembahyang)." Bangun dengan menghadap kepada Rasulullah s.a.w. baru akan berlaku sekiranya Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan bersutrahkan katil tempat beliau r.a. tidur. Ia agak sukar dibayangkan dalam keadaan Baginda s.a.w. bersembahyang di atas katil yang sama. Selain itu kalau diandaikan katil yang ditiduri `Aaisyah dan Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di atasnya itu memang berukuran besar, tetap juga akan menimbulkan kemusykilan kenapa Rasulullah s.a.w. dari awal-awal lagi tidak bersembahyang di atas bahagian tengah katil dengan membelakangkan `Aaisyah? Atau kenapa `Aaisyah sendiri tidak memilih untuk berbaring di tepi katil di belakang Nabi s.a.w. yang berdiri bersembahyang? Kalau `Aaisyah tidur di belakang Nabi s.a.w. yang bersembahyang di atas katil yang sama, tentu tidak akan timbul soal tidak sukanya beliau bangun dengan menghadap Rasulullah s.a.w. Tidak timbul juga soal Rasulullah s.a.w. bersembahyang tanpa sutrah. Dan tidak timbul juga soal melintas di antara orang yang sedang bersembahyang dengan sutrahnya yang dilarang keras oleh Rasulullah s.a.w. Keadaan jauh berbeda sekiranya anda menerima bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan bersutrahkan katil di mana `Aaisyah sedang tidur. Dalam keadaan itu tidak menjadi masalah. Sebab segala-galanya berlaku di atas daripada sutrah orang yang sedang bersembahyang. Inilah sebenarnya maksud Bukhari mengadakan bab di atas. Maksud beliau itu hanya akan diperolehi jika anda menganggap Rasulullah s.a.w. bersembahyang bukan di atas katil tetapi di bawah katil dengan bersutrahkannya. Walaupun hadits Masruq daripada `Aaisyah boleh mewahamkan (menimbulkan sangkaan bahawa) Baginda s.a.w. bersembahyang tanpa sutrah dan `Aaisyah pula kelihatan semacam berbaring di antara Rasulullah s.a.w. dengan sutrah Baginda s.a.w., namun bagi Bukhari, Rasulullah s.a.w. sesungguhnya telah bersembahyang dengan bersutrahkan katil.

Nakha'i. Beliau ialah bapa saudara Ibrahim an-Nakha'i di sebelah ibunya.) daripada 'Aaisyah, katanya: "Patutkah kamu menyamakan kami (kaum wanita) dengan anjing dan keledai? (Padahal) Masih lagi terbayang kepadaku bagaimana aku berbaring di atas katil. Kemudian Nabi s.a.w. datang dan bersembahyang dengan bersutrahkan bahagian tengah katil itu.⁸²⁰ Aku tidak suka bangun dengan menghadap kepada Baginda s.a.w., kerana itu aku bangun dengan menggelongsor (meloloskan diri) melalui bahagian kaki katil dan keluar dari lihafku (selimut tebakku)."⁸²¹

بَابُ لِيْرَةِ الْمُصَلِّيِّ مِنْ مَرَّتَيْنِ يَدِيْهِ وَرَدَ ابْنُ عُمَرَ فِي الشَّهْدِ وَفِي الْكُفَةِ وَقَالَ لَنْ أَبَى إِلَّا أَنْ يَمَامَهُ قَامَلَهُ

⁸²⁰ Tajuk bab yang dibuat Bukhari hanya menyatakan Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang dengan bersutrahkan katil. Kenyataan 'Aaisyah ini pula menunjukkan bahagian katil yang dijadikan sutrah oleh Rasulullah s.a.w. itu ialah bahagian tengah katil bukan kaki katil atau kepala katil. Ini membuktikan sesuatu yang hendak dijadikan sutrah tidak semestinya dalam keadaan menegak. Sesuatu yang melintang dan tidak rapat ke lantai juga harus dijadikan sebagai sutrah.

⁸²¹ Selain Bukhari hadits 'Aaisyah ini dikemukakan juga oleh Muslim, Ahmad, Baihaqi dan Ishaq di dalam Musnadnya. Antara pengajaran, panduan dan hukum-hakam yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) 'Aaisyah menempelak orang-orang yang menyalahafsirkan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. sehingga menyamakan kaum wanita dengan anjing dan keledai. (2) Sebaik-baik pembela kaum wanita ialah wanita juga. Ini kerana wanitalah yang lebih mengetahui perasaan dan masalah wanita. (3) Hadits-hadits Rasulullah s.a.w. tidak harus dilihat secara sathi atau seimbis lalu. Ia menuntut pengamatan yang mendalam. (4) Keharusan tidur di atas katil. Rasulullah s.a.w. sendiri dan isterinya 'Aaisyah juga tidur di atas katil. (5) Keharusan bersembahyang di atas katil. (6) Keharusan menjadikan katil sebagai sutrah. Sama ada bahagian tengah katil, kaki katil atau kepala katil. (7) Keberadaan orang perempuan di hadapan daripada sutrah orang yang sedang bersembahyang tidak menjejaskan sembahyangnya. (8) Sembahyang orang yang bersutrah tidak terjejas dengan lalu atau melintasnya seseorang perempuan di bahagian atas daripada sutrahnya. (9) Kenangan manis yang penuh dengan pengajaran dan panduan tidak dilupai 'Aaisyah walaupun setelah lama Rasulullah s.a.w. wafat. (10) Kata-kata 'Aaisyah bahawa Baginda s.a.w. bersembahyang dengan bersutrahkan bahagian tengah katil tempat tidurnya, menggambarkan beliau benar-benar ingat peristiwa itu. (11) Betapa beradabnya 'Aaisyah dengan Nabi s.a.w., lebih-lebih lagi ketika Baginda s.a.w. sedang bersembahyang, terpapar dengan jelas sekali di dalam hadits ini. (12) Kerana hadits inilah sesetengah 'ulama' menganggap hadits-hadits seperti hadits Abu Hurairah yang meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda يقطع الصلاة الحمار والمرأة والكلب Bermaksud: "Sembahyang diputuskan oleh keledai, perempuan dan anjing." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan lain-lain) itu mesti dita'wil. Sesetengah 'ulama' pula menganggap hadits 'Aaisyah inilah yang memansukhkannya. (13) Hadits 'Aaisyah di atas juga menunjukkan keharusan memakai lihaf atau selimut tebal ketika tidur untuk memelihara diri dari kesejukan atau untuk keselesaan. (14) Islam tidak menghalang umatnya meni'mati kemewahan hidup dunia, selagi ia tidak melewati batas-batas yang dihalaikan.

73- Bab Orang Yang Bersembahyang Hendaklah Menolak (/ Menghalang) Orang Yang Hendak Lalu Di Hadapannya.⁸²² Ibnu 'Umar Menolak (/ Menghalang) Orang Yang

⁸²² Menerusi tajuk bab ini Imam Bukhari mahu menarik perhatian para pembacanya kepada tiga perkara. **Pertama:** Khilaf 'ulama' tentang hukum orang yang sedang bersembahyang menahan orang yang hendak lalu di hadapannya. **Kedua:** Menyatakan pendiriannya dalam masalah ini di samping menolak pendapat golongan tertentu. **Ketiga:** Cara seseorang yang sedang bersembahyang menahan orang yang melintas di hadapannya. Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari menerima perkara pertama dan kedua sebagai antara tujuan Bukhari mengadakan bab ini. Sejauh pembacaan penulis, hanya Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri menyebutkan perkara ketiga. Para 'ulama' dalam mazhab Hanafi berpendapat orang yang sedang bersembahyang hanya harus (dibolehkan) menahan orang yang lalu di hadapannya. Tidak menahannya adalah langkah yang lebih aila (utama). Imam Abu Hanifah sendiri berdasarkan riwayat Abu Manshur daripada daripadanya berkata: *الأفضل أن يترك الداء* Bermaksud: "Yang lebih afdhal ialah tidak menghalangnya (orang yang melintas)." Jumhur 'ulama', termasuk Imam Bukhari berpendapat sunat atau sekurang-kurangnya mustahab (elok) orang yang sedang bersembahyang menghalang orang yang hendak melintas di hadapannya. Golongan Zahiriyah berpendapat orang yang sedang bersembahyang wajib menghalang orang yang hendak melintas di hadapannya. Menurut Syeikh Zakariya, Imam Bukhari lebih cenderung mengatakan wajib seperti golongan Zahiriyah. Mungkin daripada perkataan *ليرد المصلي* dan atsar Ibnu 'Umar di dalam tajuk bab di atas itulah Syeikh Zakariya memahami kecenderungan Imam Bukhari. Bagi orang-orang lain ia masih belum jelas menunjukkan kewajiban. Apa lagi jika dilihat kepada kebanyakan nuskah Bukhari. Di mana tersebut di dalamnya perkataan *يرد* bukan *ليرد* seperti yang terdapat di dalam nuskah cetakan Pakistan dan India. Bagaimanapun ia tetap menunjukkan nadb atau istihbaab. Pendapat dan pegangan Bukhari dalam masalah ini ialah orang yang sedang bersembahyang dengan bersutrahkan sesuatu disunatkan menghalang orang yang hendak lalu dan melintas di hadapannya iaitu di antaranya dan sutrahnya. Sama ada ketika berdiri, ruku' atau ketika duduk bertasyahhud, baik di Mekah atau di tempat-tempat lain, bahkan di dalam Ka'bah sekalipun. Sandaran beliau ialah atsar Ibnu 'Umar yang disebutkan di dalam Tarjamatul Bab dan hadits Abu Sa'id yang dikemukakan di bawahnya. Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari juga secara halus mahu mengkritik Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya dari kalangan Hanafiyyah yang berpendapat orang yang sedang bersembahyang hanya harus (dibolehkan) menahan orang yang lalu di hadapannya. Tidak menahannya adalah langkah yang lebih aila (utama). Berhubung dengan cara menghalang pula ada bermacam-macam. Bertasbih, mengeraskan bacaan atau mengisyaratkan dengan tangan. Berdasarkan kebanyakan riwayat berhubung dengan masalah ini, menghalang dan menolak dengan tangan adalah lebih diutamakan. Riwayat al-Isma'ili berikut adalah antara hadits yang dijadikan sebagai dalil untuk itu: *فإن أبي فليجعل يده في صدره ويتفقه* Bermaksud: "Kalau dia hendak melintas juga, maka hendaklah diletakkan tangan di dadanya dan ditolaknyanya." Bertasbih dan mengeraskan bacaan boleh juga digunakan terutamanya apabila orang yang lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu agak jauh dan tidak terjangkau oleh tangan orang yang sedang bersembahyang. Antara dalil menghalang dengan tasbih ialah atsar Ibnu 'Umar yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah ini: *حَكَّنَا وَكَيْفَ عَنْ جَعْفَرِ بْنِ بُرْقَانَ عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ قَالَ مَرَرْتُ بِأَبْنِ عُمَرَ وَهُوَ يُصَلِّي فَأَتَيْتُهُ بِشَيْئِهِ* Bermaksud: Kata 'Amar bin Dinaar: "Pernah saya hendak melintas di hadapan Ibnu 'Umar ketika beliau sedang bersembahyang. Beliau menyergah saya dengan tasbihnya." (Mushannaf Ibnu Abi Syaibah). **Satu lagi perkara yang mungkin boleh ditambah** sebagai maksud Bukhari mengadakan bab ini, iaitu perintah menahan atau manolak itu umum. Ia tidak khusus dengan manusia sahaja, bahkan termasuk juga binatang dan lain-lain. Kerana itulah Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain pensyarah menulis di bawah kata *مَنْ مَرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ* (sama ada yang hendak lalu

*Hendak Lalu Di Hadapannya) Ketika Bertasyahhud Dan Ketika (Bersembahyang) Di Dalam Ka'bah.*⁸²³ Beliau Berkata: "Kalau Orang Itu Hendak Lalu Juga Di Hadapannya, Dia Boleh Menghalangnya Dengan Lebih Keras Lagi."

٤٧٩ - حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ قَالَ حَدَّثَنَا يُونُسُ عَنْ حُمَيْدِ بْنِ هِلَالٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ح وَ حَدَّثَنَا آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ الْمُغِيرَةِ قَالَ حَدَّثَنَا حُمَيْدُ بْنُ هِلَالٍ الْعَدَوِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ السَّمَّانُ قَالَ رَأَيْتُ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ فِي يَوْمٍ جُمُعَةٍ يُصَلِّي إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ شَابٌّ مِنْ بَنِي أَبِي مُعَيْطٍ أَنْ يَحْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَدَفَعَ أَبُو سَعِيدٍ فِي صَدْرِهِ فَظَرَ الشَّابَّ فَلَمْ يَحِدْ مَسَاغًا إِلَّا بَيْنَ يَدَيْهِ فَعَادَ لِيَحْتَازَ فَلَدَفَهُ أَبُو سَعِيدٍ أَشَدَّ مِنَ الْأُولَى فَقَالَ مِنْ أَبِي سَعِيدٍ ثُمَّ دَخَلَ عَلَى مَرْوَانَ فَشَكَا إِلَيْهِ مَا لَقِيَ مِنْ أَبِي سَعِيدٍ وَدَخَلَ أَبُو سَعِيدٍ خَلْفَهُ عَلَى مَرْوَانَ فَقَالَ مَا لَكَ وَلَا بِنِ أَخِيكَ يَا أَبَا سَعِيدٍ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا صَلَّي أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنَ النَّاسِ فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَحْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ فَإِنْ أَبَى فَلْيَقَاتِلْهُ فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ

di hadapannya itu orang atau lain-lain). Antara dalil untuk perkara ini ialah hadits 'Abdullah bin 'Amar berikut. Kata beliau: *هَاطَنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ ثَنِيَّةٍ إِذَا خَرَفَ فَحَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَصَلَّى إِلَى جِدَارٍ* 'Amar berikut. Kata beliau: Bermaksud: "Kami turun bersama rasulullah s.a.w. dari Tsaniyyah Azakhir. Lalu masuklah waktu sembahyang. Maka rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan menghadap kepada dinding sebagai sutrah di sebelah qiblatnya. Kami bersembahyang di belakangnya (berimamkannya). Tiba-tiba datang seekor anak biri-biri hendak lalu di hadapan rasulullah s.a.w. Baginda terus menghalangnya sehingga baginda melekatkan perut di dinding dan anak biri-biri itu lalu di belakangnya." (Hadits riwayat Abu Daud dan Baihaqi).

⁸²³ Atsar Ibnu 'Umar ini diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannaf masing-masing. Di dalam riwayat mereka tersebut dengan jelas nama orang yang hendak melintas di hadapan beliau itu. Dia ialah 'Amar bin Dinar. Kata Ibnu Qarqul (Abu Ishaq Ibrahim bin Yusuf al-Hamzi), di dalam sesetengah riwayat di tempat *وَفِي الْكُفَّةِ* itu tersebut *وَفِي الرُّكْعَةِ*, bererti ketika sedang ruku' bukan ketika (sedang bersembahyang) di dalam Ka'bah. Kata beliau, ini lebih sesuai dengan perkataan *فِي التَّشَهُّدِ* yang tersebut sebelumnya. Tetapi Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, riwayat jumhur lebih tepat di sini kerana dua alasan. **Pertama:** Utk menghilangkan kekeliruan sesetengah pihak bahawa oleh kerana kesesakan sentiasa berlaku di Masjidil Haram, maka melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang di situ dimaafkan. Imam bukhari menerusi atsar Ibnu 'Umar ini menyatakan bahawa melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang, tidak kira di mana pun, termasuk di dalam Ka'bah adalah sesuatu yang tidak baik. Orang yang sedang bersembahyang dengan menjadikan sesuatu sebagai sutrahnya tetap dituntut menyekat orang yang hendak lalu di hadapannya. **Kedua:** Atsar tersebut dengan menyebutkan *وَفِي الْكُفَّةِ* (ketika sedang bersembahyang di dalam Ka'bah) telah diwashalkan oleh guru Bukhari sendiri iaitu Abu Nu'aim di dalam Kitab as-Shalah. Beliau dengan sanadnya meriwayatkan daripada Saleh bin Kaisaan. Kata Saleh bin Kaisaan: "Pernah aku melihat Ibn 'Umar bersembahyang di dalam Ka'bah. Beliau tidak membenarkan sesiapa pun lalu di hadapannya. Beliau akan menyekat (orang yang hendak melintas dihadapannya).